

# 酷刑

亚洲反死刑网络 PENYIKAAN

불공정한 재판

قائوني مشير/وكيل كاجو

PARUSANG KAMATAYAN

# 不公平審判 ASIA 死刑

死刑に反対するアジア・ネットワーク

不公平审判 TORTYUR ความปริสุทธิ์  
KEGAGALAN PENEGAKAN KEADILAN

사형 DEATH PENALTY  
KARAPATANG MAGKAROON NG ABUGADO

고문

معصوميت/جرائم قبل ازوقت سج سمجها

HUKUMAN MATI SAPILITANG HATOL NA KAMATAYAN

强制性死刑

무죄추정

SAPILITANG HATOL NA KAMATAYAN

PERBICARAAN TIDAK ADIL

MANDATORY DEATH SENTENCES 無罪の推定

قانونی تقاضے پورے کرنے میں قانونی نظام کی ناکامی

NETWORK SA ASYALABAN SA PARUSANG KAMATAYAN

聘請律師的權利

การพิจารณาคดีที่ไม่เป็นธรรม

推定有罪

ITURING NA WALANG SALA HANGGAT HINDI NAPAPATUMAYAN

死刑

DI MAKATARUNGANG PAGLILITIS

PRESUMED GUILTY

PENGAKUAN PAKSAAN

รัฐบาลไทยที่กระทำการคุกคามด้วย

HUKUMAN MATI MANDATORI

MISCARRIAGE OF JUSTICE

不公正な裁判

판결오류

การบังคับใช้เข้ม

KETIDAKADILAN YANG  
MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

ANTI  
DEATH  
PENALTY  
ASIA  
NETWORK

## 2 KETIDAKADILAN YANG MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

# PENGENALAN

Lebih ramai orang yang dihukum mati di benua Asia-Pasifik berbanding dengan jumlah keseluruhan di serata dunia. Ditambah pula, kebarangkalian mereka dihukum mati kerana perbicaraan tidak adil, dan ketidakadilan terhadap hukuman yang dijatuhkan itu menjadi semakin jelas. Kegagalan mendapatkan keadilan dalam perbicaraan yang berakhir dengan hukuman mati tidak boleh diperbetulkan. Di benua Asia-Pasifik, di mana 95 peratus penduduknya menetap di negara yang masih mengamalkan dan menggunakan hukuman mati, ada kemungkinan negara itu menghukum mati mangsa melalui perbicaraan yang tidak adil.

**“Anak lelaki saya dibunuhi kerana jenayah yang tidak dilakukan... keluarga kami hidup dalam penghinaan, jiran tidak bertegur sapa. Janji kerajaan untuk menyatakan maaf atau membayar pampasan, sudah agak terlewat.”**

Kata Wang Tsai-lien, ibu kepada Chiang Kuo-ching yang dipaksa membuat pengakuan dan seterusnya dihukum bunuh pada tahun 1997 di Taiwan.

Pada bulan Januari 2011, Kementerian Kehakiman Taiwan mengaku telah silap menghukum mati Chiang Kuo-Ching, pegawai Tentera Udara pada tahun 1997 atas satu pembunuhan yang dilakukan 15 tahun sebelum itu. Pihak berkuasa memperakui di dalam kenyataan bahawa tertuduh “mengaku” melakukan jenayah kerana beliau diseksual sewaktu ditahan dan hukuman keatasnya dibuat secara tergesa-gesa menggunakan mahkamah tentera. Mahkamah juga tidak memperdulikan dakwaan berlaku penyeksaan dan rayaannya sebagai tidak bersalah. Pada bulan September 2011 lalu, mahkamah tentera secara rasmi membebaskan Chiang Kuo-ching, berserta keputusan bahawa Chiang memberi kenyataan kerana adanya seksaan.

Kisah tersebut bukan terpencil. Di benua ini, dan di serata dunia, ramai yang dijatuhkan hukuman mati selepas perbicaraan yang gagal menurut standard antarabangsa untuk perbicaraan adil.

Lebih dari dua pertiga negara dalam dunia telah memansuhkan hukuman mati dari undang-undang mereka atau tidak mengamalkannya lagi. Dari 41 negara di benua ini, 17 telah memansuhkan hukuman mati untuk semua jenis jenayah, 9 bersifat pemansuhan secara perlaksanaan dan – Fiji – menggunakan hukuman mati untuk jenayah tentera yang tertentu sahaja (lihat carta). Amalan pemansuhan ini mencerminkan tahap kesedaran para aktivis, peguam, hakim, ahli Parlimen dan rakyat di benua ini, tentang ketidakadilan hukuman mati.

Walaubagaimanapun, 14 negara masih mengamalkan hukuman mati dan pernah menjatuhkan hukuman mati sejak sedekad lalu. Thailand menggunakan semula hukuman mati pada tahun 2009, walaupun telah mengumumkan hasrat untuk memansuhkan hukuman mati dalam Plan Tindakan Hak Asasi Manusia 2009 – 2013. Taiwan memulakan semula hukuman mati pada tahun 2010 selepas berhenti 4 tahun, walaupun telah mengumumkan dasar pemansuhan secara berperingkat sejak tahun 2000.

© Amnesty International



Aktivis Amnesty International menunjuk perasaan di Hong Kong, Mar 2008.

## SILA RUJUK KES RAYUAN BERIKUT DAN BERTINDAK:

### KES RAYUAN

LENG GUOGUAN
CHINA
HAKAMADA IWAO
JEPUN
DEVENDER PAL SINGH
INDIA
HUMPHREY JEFFERSON
INDONESIA
REZA SHAH
MALAYSIA
AFTAB BAHADUR
PAKISTAN
YONG VUI KONG
SINGAPURA
CHIOU HO-SHUN
TAIWAN

The Anti Death Penalty Asia Network' (ADPAN) menentang penggunaan hukuman mati dalam semua situasi. Kami memahami kesan yang ditinggalkan jenayah keras dan bersimpati kepada mangsa dan ahli keluarga mereka, namun, ADPAN menegaskan bahawa hukuman mati bukan cara efektif untuk memerangi jenayah. Mangsa sering diperlekehkan dengan kaedah perbicaraan tidak adil yang boleh mengakibatkan seseorang yang tidak bersalah dihukum mati dan pelaku sebenar lolos dari pengadilan. Hukuman mati mengkhianati hak untuk hidup dan adalah amat kejam, tidak berperikemanusiaan dan mengaibkan. Selagi pandangan ini tidak diambil berat di seluruh benua Asia-Pasifik, adalah penting untuk memastikan hak untuk perbicaraan adil diberikan kepada semua yang menghadapi hukuman itu.

#### 4 KETIDAKADILAN YANG MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

## APA MAKNA PERBICARAAN ADIL?

Prinsip asas hak perbicaraan yang adil adalah jelas di dalam undang-undang di serata dunia dan telah diperjelaskan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948, dasar kepada undang-undang hak asasi. Prinsip tersebut telah diperjelaskan dalam Artikel 14 dari Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik 1966 (ICCPR), yang dirumuskan. Hak untuk perbicaraan yang adil mengikat semua negara di dunia selaras dengan undang-undang lazim antarabangsa, sama ada ianya belum atau sudah disahkan mengikut perjanjian-perjanjian yang relevan. Beberapa negara yang masih mengamalkan dan menggunakan hukuman mati di benua ini ialah **Malaysia**, **Myanmar** dan **Singapura** yang turut tidak menandatangani dan mengesahkan ICCPR (rujuk carta).

### HAK PERBICARAAN ADIL DALAM KES-KES HUKUMAN MATI

Di kes dimana nyawa tertuduh terancam, adalah amat penting bagi prinsip perbicaraan adil diguna-pakai dengan ketat. Pada tahun 1984, Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (ECOSOC) memperkenalkan garis panduan untuk lebih melindungi hak perbicaraan adil kepada yang menghadapi hukuman mati (lihat ms 5). Ini adalah berdasarkan kefahaman bahawa dalam kes hukuman mati, garis panduan perlu “melebihi dan melangkau” perlindungan biasa yang diberikan kepada sesiapa yang menghadapi tuduhan jenayah lain. Ini kerana kes hukuman mati melibatkan hak untuk hidup, dan amalan sengaja menghalang seseorang dari hak untuk hidup adalah dilarang seperti yang terturut dalam Artikel 6 (Hak untuk Hidup) ICCPR. Menghukum mati seseorang berikutan keputusan hasil perbicaraan yang tidak menghormati kaedah perbicaraan adil adalah mengkhianati hak untuk hidup beliau.

Walaupun garis panduan PBB menekankan bahawa hukuman mati hanya boleh dilaksanakan ke atas jenayah yang disengajakan dengan niat membunuh, penduduk di benua Asia-Pasifik telah dijatuh hukum atas pelbagai jenis jenayah, dari pengedaran dadah kepada mencuri.

Ada sekitar 55 kesalahan besar di **China**, 28 di **Pakistan**, 49 di **Taiwan** dan 21 di **Vietnam**. Di **Korea Utara**, terdapat beberapa kesalahan politik dikenakan dihukum mati termasuk ‘berkonspirasi menjatuhkan negara’ dan ‘membelot menentang tanahair’. Di beberapa negara lain, hukuman mati dilaksanakan ke atas kes yang mana, di bawah undang-undang antarabangsa, tidak boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah. Di **Pakistan**, mencerca agama boleh dihukum mati, walaupun tidak diketahui samada ada mangsa yang dijatuhkan hukum kerana kes ini. Di **Afghanistan**, ramai telah dijatuhkan hukuman mati kerana memeluk agama selain dari Islam, walaupun “murtad” tidak dimasukkan di dalam Kanun Jenayah Afghanistan.

**“Adalah menjadi kebiasaan agar proses pengadilan melindungi yang terdakwa. Walaubagaimanapun, proses pengadilan juga bertindak sebagai sebuah mekanisme di mana masyarakat memastikan agar hukuman yang dilaksanakan atas nama mereka adalah adil dan saksama.”**

Wakil Khas PBB untuk Hukuman diluar-batas hukum, rambang atau arbitrari

## PRINSIP-PRINSIP UTAMA PERBICARAAN ADIL

**Setiap manusia mempunyai hak untuk**

- ◊ Kesaksamaan melalui undang-undang dan mahkamah
- ◊ Perbicaraan awam yang adil dan saksama oleh tribunal yang bertauliah, bebas dan tidak berat sebelah
- ◊ Dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah
- ◊ Tidak dipaksa memberi keterangan menentang diri sendiri atau mengaku bersalah
- ◊ Dibicarakan tanpa sebarang kelewatan
- ◊ Hadir sewaktu perbicaraan dan mempertahankan diri secara sendiri atau melalui peguam yang dipilih sendiri
- ◊ Mempunyai peguam yang ditugaskan untuk mempertahankan diri tanpa sebarang bayaran sekiranya tidak mampu membayar
- ◊ Mempunyai waktu dan kemudahan yang mencukupi dalam persediaan untuk mempertahankan diri
- ◊ Menghubungi saksi terdakwa dan memeriksa butiran saksi pendakwa
- ◊ Jurubahasa dan penterjemahan sekiranya mereka tidak memahami bahasa yang digunakan di mahkamah
- ◊ Rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi
- ◊ Bayaran pampasan setimpal atas perlakuan tidak adil

## MAJLIS EKONOMI DAN SOSIAL PBB MELINDUNGI HAK MEREKA YANG MENJALANI HUKUMAN MATI (1984)

Di negara yang tidak memansuhkan hukuman mati, seseorang itu boleh dihukum mati kerana

- ◊ “Jenayah paling berat”, seperti jenayah yang disengajakan dengan niat membunuh
- ◊ Apabila tertuduh didapati bersalah berdasarkan bukti yang jelas dan meyakinkan, tanpa meninggalkan sebarang penjelasan lain terhadap fakta
- ◊ Melalui perbicaraan yang sekurang-kurangnya menepati standard perbicaraan adil yang diperuntukkan dalam ICCPR.

Hukuman mati tidak boleh dilaksanakan

- ◊ Terhadap sesiapapun yang berusia bawah 18 tahun ketika jenayah dilakukan, seseapa yang mengalami masalah mental, perempuan hamil atau ibu baru.
- ◊ Selagi rayuan atau sebarang kaedah untuk meringankan hukuman atau mendapatkan pengampunan sedang berjalan.

Sesiapapun yang dihukum mati mempunyai hak mendapatkan pengampunan atau diringankan hukuman yang dijatuahkan.

Sebarang hukuman mesti dilakukan dengan kadar kesakitan yang paling minimum.

## 6 KETIDAKADILAN YANG MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

# CABARAN TERHADAP HAK UNTUK PERBICARAAN ADIL

Di kebanyakan negara di benua hak kepada perbicaraan adil dihalang oleh undang-undang yang menafikan proses adil. Malah di negara dimana proses pengadilan wujud secara prinsip, secara kaedahnya ia tidak diamalkan.

Mahkamah berterusan menggunakan pengakuan yang diterima melalui penyeksaan sebagai bukti perbicaraan jenayah – walaupun adanya larangan seksaan di peringkat antarabangsa. Mereka melaksanakan hukuman mati mandatori untuk jenayah seperti pengedaran dadah. Mereka meletakkan beban bukti ke atas tertuduh, menyengkirkan hak untuk dianggap tidak bersalah. Hak untuk khidmat peguam sebelum, semasa dan selepas perbicaraan seringkali dinafikan, dan di beberapa negara, kebebasan sistem kehakiman masih terus diragui. Dan sewaktu kemelut keselamatan atau politik berlaku, negara seringkali menggunakan mahkamah khas, menjatuhkan hukuman mati selepas perbicaraan yang tergesa-gesa.

Sebaik sahaja terdakwa dijatuhi hukuman mati, di bawah undang-undang antarabangsa, dia boleh membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi menentang hukuman keatasnya, dan mendapat belas ihsan atau diringankan hukuman. Namun di beberapa negara lain, pilihan ini langsung tidak disediakan.

**“Hukuman mati tidak boleh dianalisa secara berasingan dari konteks penggunaannya... adanya berlaku kesilapan seperti yang telah diakui secara meluas dalam proses yang membawa kepada penghukuman dan penggunaan yang tidak seimbang keatas kumpulan yang yang berada di sosioekonomi bawah adalah menjadi alasan yang kuat menentang penggunaan hukuman mati.”**

Majlis Penasihat Kehakiman untuk Forum Asia-Pasifik,  
Institusi Hak Asasi Manusia Nasional, 2000

Pegawai kerajaan dikebanyakan negara di Asia-Pasifik menyatakan bahawa perlaksanaan kehakiman jenayah adalah di bawah bidangkuasa setiap negara, namun perjalanan perbicaraan harus menurut piawaian dan undang-undang antarabangsa. Undang-undang dan piawaian tersebut menjadi amat penting dalam keadaan dimana kerajaan menggunakan kuasa untuk mengambil langkah yang tidak boleh ditarik-balik, melucutkan hak seseorang untuk hidup.

Aktivis hak asasi manusia mengadakan tunjuk perasaan anti-hukuman mati menjelang Hari Anti-Hukuman Mati Sedunia di Hyderabad, India Oktober 2010.

FINE ARTS & FASHION  
ADD: MEZZANINE FLOOR C

83218

HRCP  
NO  
DEATH  
PENALT



## 8 KETIDAKADILAN YANG MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

### PENYEKSAAN DAN PENDERERAN LAIN

#### KES RAYUAN

AFTAB BAHADUR  
PAKISTAN

CHIOU HO-SHUN  
TAIWAN

DEVENDER PAL SINGH  
INDIA

HAKAMADA IWAO  
JEPUN

HUMPHREY JEFFERSON  
INDONESIA

LENG GUOQUAN  
CHINA

Larangan ketat terhadap penyeksaan dan amalan kejam, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan terdapat dalam undang-undang antarabangsa. Standard perbicaraan adil antarabangsa adalah jelas bahawa tiada sesiapa boleh dipaksa untuk memberi keterangan menentang diri sendiri atau mengaku bersalah. Konvensyen PBB menentang Penyeksaan dan Amalan Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Mengaibkan (Konvensyen menentang Penyeksaan) menyatakan bahawa maklumat yang diterima melalui penyeksaan tidak boleh digunakan sebagai bukti di mahkamah. Namun, banyak negara di benua ini yang masih mengamalkan hukuman mati, membenarkan kaedah penyeksaan dan kaedah penderaan lain diguna untuk mendapatkan pengakuan

(lihat carta, ms 10-11), walaupun undang-undang mereka menghalang penggunaan kaedah tersebut. Mahkamah seringkali tidak memperdulikan bukti penyeksaan dan penderaan ketika menjatuhkan hukuman mati.

**“Hampir semua hukuman yang salah beberapa tahun ini adalah berkaitan dengan penahanan secara paksa.”**

Timbalan Jeneral-Pendakwaraya  
Pendakwarayaan Agung Rakyat, China, 2006

China telah mengesahkan Konvensyen tersebut pada 1988 dan undang-undangnya menentang penggunaan penyeksaan bagi mendapatkan pengakuan. Pihak berkuasa juga telah meluluskan beberapa peraturan beberapa tahun kebelakangan ini sebagai usaha memperkuatkan larangan dan perlaksanaan kaedah, membasmi cara mendapatkan bukti secara tidak sah, terutama dalam kes hukuman mati. Namun begitu, undang-undang China masih gagal melarang dengan jelas penggunaan seksaan dan penderaan untuk mendapatkan bukti bagi kes di mahkamah. Rakyat terus dijatuhkan hukuman walaupun terdapat bukti kukuh yang mereka dihukum berdasarkan pengakuan yang diberi setelah diseksa.

Perlembagaan Indonesia melarang penggunaan penyeksaan. Kanun Jenayah Indonesia menyatakan bahawa segala maklumat yang diberi oleh suspek kepada polis mestilah bebas dari paksaan, tetapi Indonesia masih belum menjenayahkan seksaan. Sama juga dengan undang-undang di beberapa negara lain termasuk Afghanistan dan India yang mengandungi perlindungan spesifik mengenai pengakuan yang dibuat kerana dipaksa. Namun penyeksaan oleh pihak polis masih berleluasa di negara tersebut dan pengakuan hasil paksaan seringkali digunakan sebagai bukti ketika perbicaraan. Di Jepun dan Taiwan, sandaran ke atas bukti sebegini adalah berat dan kadang-kala sandaran tersebut adalah bukti tunggal.

Acara penyalaian lilin di luar penjara Changi untuk Nguyen Tuong Van dari Australia, beberapa jam sebelum beliau dijatuhkan hukuman di Singapura, Disember 2005. Beliau yang berusia 25 tahun didakwa menyeludup dadah. Singapura menarik balik beban bukti dalam kes-kes dadah dengan membenarkan terdakwa membuktikan mereka tidak bersalah.



© REUTERS/Luis Enrique Asciu

## HUKUMAN MATI MANDATORI

### KES RAYUAN

REZA SHAH

MALAYSIA

YONG VUI KONG

SINGAPURA

Hukuman mati mandatori menghalang hakim dari menggunakan budi-bicara dan mempertimbangkan semua faktor kes. Hukuman mati mandatori adalah dilarang di bawah undang-undang antarabangsa kerana ia melucutkan hak untuk hidup seseorang secara rambang dan adalah hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan. Banyak mahkamah dan badan kehakiman telah membuat keputusan bahawa ia tidak menurut perlembagaan.

Pada tahun 2010, Mahkamah Agung Bangladesh mendapati bahawa hukuman mati mandatori untuk bunuh selepas rogol sebagai tidak berpelembagaan, Mahkamah Agung India pula mendapati bahawa hukuman mati mandatori untuk bunuh sebagai tidak berperlembagaan, dan pada bulan Jun 2011, Mahkamah Tinggi Bombay menggelarkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan berulang di bawah Akta Dadah Narkotik dan Ubatan Psikotropik sebagai melanggar hak untuk hidup. Pada tahun 2006, hukuman mati mandatori telah dimansuhkan dari dua undang-undang di Taiwan.

Beberapa buah negara terus melaksanakan hukuman mati mandatori, terutamanya bagi kesalahan berkaitan dadah (lihat carta). Brunei Darussalam, Laos, Malaysia, Korea Utara, Pakistan, Singapura dan Thailand semuanya melaksanakan hukuman tersebut bagi individu yang memiliki dadah pada kadar yang amat kecil atau mengedar dadah secara besaran. Melaksanakan hukuman mati terhadap kesalahan dadah melanggar undang-undang antarabangsa yang membenarkan hukuman mati hanya untuk “jenayah-jenayah paling berat”.

**“Peruntukan dalam undang-undang yang menghadkan penggunaan kebijaksanaan dan budi-bicara keprihatinan mengenai perkara hidup dan mati, tanpa mengendahkan situasi di mana kesalahan dilakukan, dan maka itu tanpa mengendahkan keseriusan kesalahan tersebut, maka ia hanya boleh dianggap sebagai kejam, tidak adil dan tidak saksama.”**

Mahkamah Agung India dalam kes Mithu v. Punjab (1983)

Pejalan kaki dihadapan mural amaran hukuman bagi mengedar dadah, Kuala Lumpur, Malaysia, November 2007.




© Tengku Bahar/AFP/Getty Images

## 10 KETIDAKADILAN YANG MEMBAWA MAUT DI ASIA

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

		Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik, 1976	Protokol Pilihan Kedua, 1991 - Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik	Konvensyen menentang Penyeksaan PBB, 1987	Undangundang bersifit isu hukuman mati yang tidak mengikuti kaedah perbicaraan adil, Fasal berkenaan dengan uangna-pemakaian mati makarrah tertinggi	Undangundang bersifit hukuman mati mandarib tertinggi	Analisa ke atas hukuman mati tidak mengikut plawai keselarasan adil dan jenayah tertentu	Penyelesaian antarabangsa untuk perbicaraan adil	Penyelesaian dan penderaan untuk memaksa pengakuan
Negara yang masih mengamalkan hukuman mati	Afghanistan	1983	1987						
	Bangladesh	2000	1998						
	China	1998	1988						
	Korea Utara	1981							
	India	1979	1997						
	Indonesia	2006	1998						
	Jepun	1979	1999						
	Malaysia								
	Mongolia	1974	2002						
	Pakistan	2010	2010						
	Singapura								
	Taiwan *	2009							
	Thailand	1996	2007						
	Vietnam	1982							
Pemansuhan dari segi kaedah	Brunei								
	Laos	2009	2010						
	Maldives	2006	2004						
	Myanmar								
	Nauru	2001	2001						
	Papua New Guinea	2008							
	Korea Selatan	1990	1995	**					
	Sri Lanka	1980	1994						
	Tonga								
Negara yang mengamalkan hukuman mati untuk jenayah tertentu	Fiji								



## TANGGUNGJAWAB NEGARA DAN KADEAH YANG DIGUNAKAN DI BENUA ASIA-PASIFIK



**Ditandatangani:** Negara berniat untuk menimbangkan perjanjian dan berkemungkinan akan mengesahkannya. Tandatangan bermakna Negara tidak akan mengamalkan amalan yang akan memperkecilkan objektif perjanjian.

**Pengesahan:** Negara secara rasmi bersetuju dan akan akur dengan perjanjian.

\*Taiwan bukan anggota PBB

\*\*hanya dalam kes perbicaraan tentera

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

## TIDAK BERSALAH SEHINGGA DIBUKTIKAN BERSALAH

### KES RAYUAN

REZA SHAH  
MALAYSIA  
YONG VUI KONG  
SINGAPURA

Teras prinsip undang-undang antarabangsa ialah sesiapa yang disabit dengan kesalahan jenayah mestilah dianggap sebagai tidak bersalah sehingga atau sekiranya dibuktikan bersalah menurut undang-undang perbicaraan adil. Hak untuk dianggap tidak bersalah bukan sahaja semasa perbicaraan tetapi juga sebelum perbicaraan. Ia diperlukan bagi suspek sebelum tuduhan jenayah difaiklan, dan sehingga

tersabitnya hukuman semasa rayuan terakhir. Garispanduan ECOSOC menjelaskan tentang hak ini, menekankan bahawa hukuman mati hanya boleh dilaksanakan bila "kesalahan seseorang yang didakwa itu berdasarkan pada bukti yang jelas dan meyakinkan tanpa meninggalkan sebarang penjelasan lain ke atas fakta."

Walaubagaimanapun, undang-undang dibeberapa negara di Asia-Pasifik mencabul hak ini, dengan memperlukan beban bukti terbalik bagi kes jenayah tertentu. Tertuduh bagi jenayah tersebut di negara itu dianggap bersalah dan memikul beban untuk membuktikan dirinya tidak bersalah.

Di China, prinsip untuk menganggap tertuduh sebagai tidak bersalah tidak diperlukan dalam Kanun Prosedur Jenayah. Di Taiwan, undang-undang baru sahaja dipinda untuk memasukkan prinsip anggapan tidak bersalah. Mereka yang telah didapati dengan sengaja membawa dadah dalam kuantiti tertentu ke Malaysia dan Singapura, dianggap sebagai bersalah bagi jenayah pengedaran, yang membawa hukuman mati mandatori.

**“Tindak-balas terhadap jenayah, dadah dan terorisme perlu melindungi hak orang yang mudah dianiaya yang berisiko menjadi sasaran undang-undang jenayah dan hukuman.”**

Pejabat Dadah dan Jenayah PBB, Mac 2010



Warga prihatin menandatangi surat rayuan untuk Yong Vui Kong, 19 tahun, yang sedang menjalani hukuman mati kerana kes dadah di Singapura, Ogos, August 2010 (rujuk kes rayuan).

## HAK UNTUK KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG

### KES RAYUAN

**HAKAMADA IWAO**

JEPUN

**HUMPHREY JEFFERSON**

INDONESIA

**LENG GUOQUAN**

CHINA

Hak untuk mendapatkan khidmat peguam sejak awal penahanan ialah perlindungan utama menentang penyeksaan dan amalan zalim lain, dan amat penting dalam mempastikan perbicaraan adil. Hak untuk perbicaraan adil menghendaki tertuduh mendapat khidmat peguam bukan sewaktu perbicaraan sahaja, tetapi sejurus waktu ditangkap, semasa penahanan, soalsiasat dan penyiasatan pertama. Hak untuk khidmat peguam umumnya bermaksud seseorang itu mempunyai hak untuk memilih khidmat guaman sendiri. Sekiranya tertuduh tidak mempunyai peguam peribadi, mereka berhak mendapatkan peguam yang dilantik oleh hakim atau pihak berkuasa kehakiman. Sekiranya tertuduh tidak mampu membayar, pihak guaman yang dilantik mesti menyediakan perkhidmatan secara percuma, dan dalam kes hukuman mati, ia harus mencerminkan pilihan tertuduh.

Hak ke atas khidmat nasihat undang-undang bermaksud hak untuk mendapat peguam yang cekap. Majlis Hak Asasi Manusia telah menyatakan bahawa peguam bagi tertuduh yang menghadapi hukuman mati perlu “efektif semasa mewakili tertuduh” dalam setiap lapisan perbicaraan. Ia juga menyatakan sekiranya peguam menunjukkan “kelakuan buruk atau ketidakcekapan yang disengajakan”, kerajaan boleh dipertanggungjawabkan kerana mencabul hak bagi perbicaraan adil.

Hak untuk diwakili peguam termasuklah hak untuk berkomunikasi secara sulit dengan peguam dan waktu dan kemudahan yang mencukupi bagi menyiapkan pembelaan. Bagi kes hukuman mati, tertuduh perlu diberikan waktu dan kemudahan bagi menyediakan pembelaan yang melangkau kes lain. Ini termasuk menyediakan khidmat terjemahan dan alih-bahasa secara percuma bilamana diperlukan. Tertuduh dan pihak guamannya harus diberikan peluang samarata seperti yang diberikan kepada pihak pendakwa. Sekiranya pihak berkuasa menghalang peguam dari melakukan tugas dengan efektif, kerajaan boleh dipertanggungjawabkan kerana mencabul hak bagi perbicaraan adil.

Merentasi benua, tahanan yang menjalani hukuman mati mendapat sedikit atau tiada langsung khidmat peguam berikutan penahanan dan ketika bersedia untuk proses perbicaraan atau rayuan.

Di China, pihak berkuasa boleh menyekat atau menyukarkan peguam bagi bertemu dengan anak guamnya, mengumpulkan bukti dan mendapat dokumen kes. Peguam yang membela anak guamnya sering diganggu-gugat dalam kes melibatkan isu politik yang sensitif. Ada diantaranya telah dikenakan tindakan kerana menasihati anak guamnya untuk menarik-balik pengakuan atau kerana cuba mengemukakan bukti yang bertentangan dengan kes pihak pendakwa.

Di Jepun, sistem daiyo kangoku membenarkan polis menahan dan menyoalsiasat tertuduh sehingga 23 hari. Tahanan tidak mendapat hak khidmat peguam semasa disoalsiasat atas alasan bahawa kehadiran peguam akan menyukarkan polis untuk “memujuk tertuduh berkata benar.”

**“Mereka yang dihukum mati selalunya tidak mendapat khidmat peguam, dijatu hukuman melalui perbicaraan di mana tiada sebarang bukti yang diberi atau tiada saksi tertuduh yang dipanggil. ”**

Wakil Khas PBB untuk Hukuman diluar-batas, rambang atau arbitrari, memberikan kenyataan mengenai Afghanistan, 2009



## HAK UNTUK PERTIMBANGAN SEMULA DAN PENGAMPUNAN

KES RAYUAN

CHIOU HO-SHUN  
TAIWAN

Hak untuk merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi terhadap hukuman adalah amat penting bagi melindungi hak tertuduh. Garis panduan ECOSOC menyatakan bahawa sebarang rayuan haruslah mandatori. Pertimbangan semula oleh mahkamah yang lebih tinggi memperlihatkan kepincangan kehakiman bagaimana hukuman mati dilaksanakan terhadap kes individu yang berkaitan. Mereka mendedahkan kegagalan untuk menghormati garis-panduan perbicaraan adil, dalam beberapa kes ia menunjukkan perlunya perbicaraan semula atau untuk pindaan ke atas perundangan atau perubahan lain. Namun di Jepun, Korea Selatan dan Korea Utara, dan disebahagian Pakistan, tiada rayuan mandatori untuk mahkamah lebih tidak diperlukan.

Pada tahun 2007, Mahkamah Agung China mendapat semula kuasa untuk menimbang semula semua hukuman mati yang telah dijatuhkan mahkamah lebih rendah. Pada bulan November 2010, Hu Yunteng, ketua jabatan penyelidikan mahkamah berkata, mahkamah telah menolak, secara purata, 10 peratus dari semua hukuman mati yang dijatuhkan oleh mahkamah yang lebih rendah setiap tahun di seluruh negara sejak 2007. Beliau berkata, kesemuanya ditolak kerana bukti yang tidak mencukupi, proses menentukan hukuman tidak sesuai atau terdapat kepincangan kaedah.

Apabila semua rayuan kehakiman telah dipohon, tertuduh berhak untuk cuba mendapatkan pengampunan. Walaubagaimanapun, di beberapa negara, prosedur pengampunan adalah samada tidak wujud atau hanya wujud di atas kertas. Majlis Hak Asasi Manusia telah menyatakan bahawa hak mendapatkan pengampunan – yang bukan sebahagian dari prosedur undang-undang – memerlukan jaminan prosedur agar ia tidak hanya menjadi proses formal yang tidak bermakna.

Walaupun Perlembagaan memperlukan pengampunan khas di China, tiada prosedur pengampunan bagi mereka yang telah dijatuhkan hukuman mati dan tiada seorangpun tahanan yang telah diampunkan sejak tahun 1975. Di Jepun dan Singapura pula, pengampunan atau meringankan hukuman adalah sangat jarang. Kekaburuan proses pengampunan yang wujud di benua ini membenarkan pihak eksekutif – samada menteri atau presiden – menggunakan kuasa yang diperlukan ke atas hidup dan mati bagi mereka yang telah dijatuhkan hukuman mati dengan cara yang tidak boleh dipersoalkan.

Aktivis muda memakai baju yang tertulis "Dihukum mati kerana pengeluaran wang haram - China" sebagaian dari protes menentang hukuman mati di Baden, Switzerland, Mac 2010



Kiri: Para aktivis Korea Selatan melepaskan burung merpati simbolik kepada mereka yang ditahan dengan hukuman mati di sebuah acara di Seoul, Disember 2007.

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

## MAHKAMAH KHAS DAN PROSES YANG TERBURU

### KES RAYUAN

AFTAB BAHADUR  
PAKISTAN

DEVENDER PAL SINGH  
INDIA

Mahkamah khas seperti yang terdapat di China, Korea Utara dan Pakistan seringkali mencabul hak untuk diwakili peguam, untuk merayu dan tidak dipaksa untuk mengaku bersalah. Di beberapa mahkamah khas, pegawai rasmi tentera, bukan seorang hakim bebas, yang menjatuhkan hukuman.

Di negara lain, semasa kempen memerangi jenayah berprofil tinggi, mahkamah menjatuhkan hukuman mati berikutan proses mahkamah yang tercantas atau menjatuhkan hukuman untuk jenayah yang mana kebiasaannya tidak dihukum sebegini keras. Salah satu kes ialah di China, dimana kempen “Strike Hard” kerap diadakan bagi menentang pengedaran dadah dan kesalahan lain.

**“ Situasi dimana fungsi dan kecekapan kehakiman dan pihak eksekutif tidak jelas atau pihak yang kemudiannya boleh mengawal atau memerintahkan pihak terdahulu adalah tidak bersesuaian dengan tanggapan sesebuah tribunal yang bebas. ”**

Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Kenyataan Umum tentang Artikel 14 ICCPR, 2007

Di Pakistan, peruntukan dalam Akta Anti-Terorisme 1997 membenarkan orang awam diadili di mahkamah tentera namun dua tahun selepas itu, Mahkamah Agung mendapatinya sebagai tidak berperlembagaan. Mahkamah anti-terrorism masih terus menjatuhkan hukuman mati, beroperasi lebih tersembunyi dari pihak awam dan keperluan untuk perbicaraan diselesaikan dalam masa tujuh hari, memberikan tekanan kuat kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman. Pada bulan Jun 2011, Presiden Pakistan menandatangani ‘Action Regulations’ (Bantuan untuk Kuasa Sivil) bagi memberikan pihak keselamatan yang memerangi Taleban di daerah terpencil negara, kuasa untuk menahan seseorang secara rambang dan tanpa batasan waktu. Peraturan itu juga memberikan kuasa kepada pihak keselamatan untuk menubuhkan tribunal dan menjatuhkan hukuman penjara atau hukuman mati. Kenyataan oleh manama anggota pihak keselamatan sudah mencukupi untuk menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh dan tiada prosedur yang disediakan untuk rayuan ke atas sabitan dan hukuman.



© Amnesty International

Aktivis dari Taiwan Alliance to End the Death Penalty turut mengambil bahagian bersama aktivis lain di the Fourth World Congress Against the Death Penalty di Geneva, Switzerland, Februari 2010.

## KEHAKIMAN BEBAS

Hakim perlu boleh mengadili sesuatu perkara secara tidak berat sebelah berdasarkan fakta dan menurut undang-undang, bebas dari kekangan, pengaruh yang tidak bersesuaian, imbuhan, tekanan ataupun gangguan. Ia diperuntukkan dalam Prinsip 2 Prinsip Asas Kehakiman Bebas, PBB. Terdapat juga standard PBB untuk peguam dan pendakwa yang memerlukan mereka untuk bebas dan terhindar dari pengaruh yang tidak bersesuaian. Walaupun standard tersebut, di beberapa negara seperti di Afghanistan, Bangladesh, China, Indonesia, Maldives, Korea Utara, Pakistan, Sri Lanka dan VietNam, jaminan ke atas perbicaraan adil menjadi tidak bermakna bila anggota sistem kehakiman jenayah – polis, pendakwa, peguam, kehakiman – gagal untuk beroperasi secara professional dan bebas dari pengaruh politik dan lain-lain.

Surat-surat sokongan kepada Chiou Ho-shun, ditahan selama 21 tahun. Beliau merupakan kes yang paling lama belum diselesaikan dalam sejarah Taiwan. Bercakap mengenai surat-surat yang diterima: "Setiap yang berkawan dengan saya menawarkan perasaan kasih. Kesemua surat ini amat bermakna untuk diri saya."



Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

## KETELUSAN

Di bawah undang-undang antarabangsa, kerajaan perlu telus dalam penggunaan hukuman mati. Majlis Ekonomi dan Sosial PBB telah menggesa negara untuk selalu menyiarkan maklumat mengenai jumlah hukuman mati, perlaksanaan hukuman, hukuman yang dibatalkan kerana rayuan, dan peringangan hukuman atau pengampunan.

**“Agar setiap organ kerajaan dan setiap anggota masyarakat mempunyai sekurang-kurangnya peluang memilih samada hukuman itu dilaksanakan dalam keadaan yang adil dan tidak pilih-kasih, pentadbiran kehakiman mestilah telus.””**

Wakil Khas PBB untuk Hukuman diluar-batas, rambang atau arbitrari, 2006

Sekiranya rakyat maklumat sahih tentang bagaimana hukuman berat digunakan, dan boleh mengetahui samada standard perbicaraan adil telah digunakan, mereka boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat tentang samada mahu mengamalkan hukuman mati atau tidak. Maklumat seperti inilah yang telah menukar pendapat awam sehingga membawa ke pemansuhan hukuman mati di Philippines pada tahun 2006.

Tugas para aktivis dalam mendokumentasi kes hukuman mati terus menjadi penting dalam usaha membongkar ketidakadilan. Namun, kerja itu tidak senang dilakukan di benua Asia-Pasifik ini. Di beberapa negara, jumlah perlaksanaan hukuman dan maklumat berkaitannya adalah rahsia negara. Di Jepun dan Taiwan, tahanan dihukum tanpa diberitahu dahulu, ahli keluarga dan peguam hanya diberitahu selepas hukuman dilaksanakan. Kerajaan China, Malaysia, Mongolia, Korea Utara dan VietNam seringkali gagal menyediakan maklumat umum tentang penghakiman di dalam kes hukuman mati dan perlaksanaan hukuman.



AP photo/Justice Ministry

Tali gantung di Pusat Tahanan Tokyo, Jepun, Ogos 2010. ‘Trapdoor’ ditanda dengan kotak merah di lantai.

# KESIMPULAN

Setiap individu yang dituduh dengan kesalahan mempunyai hak bagi perbicaraan adil. Bila tertuduh dinafikan proses yang diperuntukkan dalam perbicaraan jenayah, mereka telah dinafikan keadilan.

Di benua Asia-Pasifik, setiap tahun ribuan dijatuhkan hukuman mati dan hukuman dilaksanakan selepas perbicaraan yang tidak adil, gagal mengikut standard antarabangsa, memperlekehkan kuasa undang-undang dan mencabul hak untuk hidup, hak untuk perbicaraan adil dan larangan ke atas penyeksaan dan penderaan lain.

Semasa menyiapkan laporan ini, beberapa kes telah disemak semula dan ini jelas memperlihatkan bahaya sebenar penggunaan hukuman mati. Siapa yang akan dikenakan hukuman mati dan siapa yang diselamatkan selalunya ditentukan bukan dengan melihat jenayah yang telah dilakukan, tetapi juga bergantung ke atas etnik atau kaum tertuduh atau identiti lain, taraf ekonomi dan sosial individu, atau kemampuan memahami dan menuruti proses perbicaraan, terdapatnya atau kecekapan bantuan guaman dan peguam, dan faktor lain yang menentukan samada mereka boleh mencabar ketidakadilan sistem kehakiman jenayah yang melancarkan mereka ke arah kematian.

Hanya pemansuhan hukuman mati boleh menjamin agar seseorang yang tidak bersalah boleh diselamatkan. ADPAN secara prinsip menentang hukuman mati dan menuntut semua negara mengambil langkah untuk menggantung penggunaan hukuman ini sehingga pemansuhan menyeluruh terlaksana. Hanya pemansuhan sahaja yang mencerminkan komitman sebenar masyarakat terhadap keadilan dan ketelusan berbanding dengan mohon maaf selepas hukuman yang tidak adil dilaksanakan. Memohon maaf tidak akan pernah mencukupi.

**“ Undang-undang hanyalah sekadar satu undang-undang, namun, saya berharap Parlimen akan memansuhkan hukuman mati, kerana jika berlaku kesilapan ia tidak boleh diperbetulkan. Ada beberapa cara lain yang boleh digunakan untuk menangani jenayah kejam. ”**

Bekas Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Datuk K.C. Vohrah, Malaysia



Tunjuk perasaan di luar pejabat Perwakilan China di Hong Kong, Ogos 2010..

Hentikan perbicaraan yang tidak adil,  
hentikan pembunuhan

## SARANAN

kepada Negara yang masih mengamalkan hukuman mati

- ★ Menangguhkan hukuman mati seperti yang diperuntukkan oleh resolusi Perhimpunan Agung PBB
- ★ Menukar semua hukuman mati
- ★ Mengulang-kaji semula undang-undang, dasar dan amalan untuk mempastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa, terutamanya dalam mempertahankan anggapan tidak bersalah, hak bagi khidmat peguam dan perlindungan dari melakukan pengakuan dibawah paksaan diskriminasi
- ★ Sehingga pemansuhan, pastikan kepatuhan penuh terhadap standard antarabangsa yang menghadkan penggunaan hukuman mati, terutamanya penggunaan hanya bagi “jenayah paling berat” dan memansuhkan hukuman mati mandatori.



Dari atas: Aktivis belia di, Oktober 2008.  
Tunjuk perasaan Hari Anti-Hukuman Mati Sedunia di Indonesia, Oktober 2010. (CC BY-NC-SA 2.0).  
Aktivis mengambil bahagian dalam Cities for Life, sebuah acara anti-hukuman mati pada 30 November 2010, Hehwa-dong, Seoul, Korea Selatan.

**ANTI  
DEATH  
PENALTY  
ASIA  
NETWORK**

### The Anti-Death Penalty Asia Network (ADPAN)

Dilancarkan pada tahun 2006, ADPAN ialah sebuah jaringan rentas-benua bebas yang berkempen untuk pemansuhan hukuman mati di seluruh benua Asia-Pasifik. ADPAN bebas dari kerajaan dan fahaman politik atau agama. Ahlinya termasuk peguam, NGO, kelompok masyarakat sivil, pejuang hak asasi manusia dan aktivis dari 23 buah negara. Tugas ADPAN menjadi lebih penting kerana keprihatinan terhadap ketidakadilan perbicaraan di seluruh Asia. Lihat lampiran untuk senarai semua anggota pertubuhan. [www.facebook.com/groups/358635539514/](http://www.facebook.com/groups/358635539514/)

Index: ASA 01/022/2011  
Malay  
Disember 2011

Dicetak oleh:  
Amnesty International  
International Secretariat  
Peter Benenson House  
1 Easton Street  
London WC1X 0DW  
United Kingdom